



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	26/11/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pemberian air percuma diteruskan tahun depan

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan Johor meneruskan pemberian air percuma sebanyak 10 meter padu sebulan kepada rakyat golongan berpendapatan rendah (B40) dengan peruntukan sebanyak RM22 juta tahun depan melibatkan seramai 229,000 penerima.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Puah

Wee Tse berkata, jumlah berkenaan merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

"Pemberian air percuma merupakan salah satu janji 100 hari selepas terbentuknya kerajaan Pakatan Harapan (PH). Janji telah pun ditunaikan dan ia tidak terhenti setakat tahun, ini malah diberi perhatian oleh Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal dalam Belanjawan Johor 2020.

"Seramai 167,402 penerima



JIMMY PUAH

menikmati pemberian air percuma 10 meter padu bagi seluruh Johor sehingga 31 Oktober 2019," katanya di sini semalam.

Katanya, bilangan penerima merangkumi keseluruhan daerah di Johor setakat Oktober tahun lepas di mana Johor Bahru paling ramai iaitu seramai

24,710 penerima diikuti Pasir Gudang 22,404 penerima.

"Kerajaan negeri berharap agar rakyat faham hasrat pemberian air percuma bagi membantu rakyat, kerajaan juga sedang mendidik rakyat Johor supaya menggunakan air secara berhemah," katanya ketika menjawab soalan **Nor Rashidah Ramli (BN-Parit Raja)** mengenai maklumat terperinci tentang pemberian air percuma mengikut daerah sehingga kini.